



KEDIAMAN BERKONSEPKAN TOD OLEH PR1MA TEPATI CITA RASA GOLONGAN MUDA

KAJANG (15 September 2024): Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah mengadakan sesi penyerahan kunci Residensi Nexus Kajang kepada 10 buah keluarga. Upacara ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Residensi Nexus Kajang dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah lebih RM128 juta ini telah menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada Februari 2024 dan sehingga kini lebih 95% daripada 393 pembeli telah menerima kunci unit kediaman mereka sejak suku pertama 2024.

Kediaman yang merupakan projek usaha sama Kerajaan dan swasta, antara PR1MA dan Metro KL City Sdn Bhd ini adalah sebuah Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) pertama oleh PR1MA, di mana para penduduk dapat mengakses pengangkutan awam seperti stesen KTM Kajang dan MRT Kajang, serta lebuh raya utama dengan mudah.

“Pembangunan Residensi Nexus Kajang sebagai sebuah pembangunan TOD amat dialu-alukan oleh KPKT. Pembinaan TOD bukan sahaja penting bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar dan jejak karbon, malah ia juga meningkatkan akses penduduk kepada peluang pekerjaan, mobiliti dan kesihatan. Ini adalah penting untuk membantu Kerajaan membina bandar yang lebih produktif, berdaya saing, mampan dan boleh dihuni oleh generasi sekarang dan akan datang”, kata YB Tuan Nga Kor Ming.

“Kita amat memahami generasi muda yang memulakan keluarga dan kerjaya di ibu kota, seringkali berdepan dengan isu perumahan untuk mendapatkan kediaman yang mampu milik, dan dalam masa yang sama mempunyai akses pengangkutan awam dalam lingkungan yang berdekatan. Justeru, kediaman berkonsepkan TOD ini adalah langkah strategik bagi menangani isu tersebut”, tambah beliau.

Residensi Nexus Kajang menawarkan unit berukuran antara 800 kps hingga 1,050 kps, dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk taman permainan kanak-kanak, surau komuniti, dewan serba guna, gimnasium, kolam kanak-kanak, dan gelanggang bola keranjang, futsal, serta badminton. Projek ini turut diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan skor 78% dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC).

Menurut Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA, “Saya amat berbangga dengan penyiapan projek ini yang telah membuktikan komitmen kami sebagai agensi perumahan mampu milik kerajaan bagi menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik yang memenuhi keperluan dan cita rasa moden. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada KPKT, Kerajaan Negeri Selangor, rakan usaha sama iaitu Metro KL City Sdn Bhd, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak berkepentingan lain atas kerjasama dan sokongan mereka dalam pembangunan projek ini.”

Setakat Ogos 2024, PR1MA mempunyai 88 projek, bersamaan 54,137 unit di seluruh Malaysia yang berada dalam pelbagai fasa pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek, yang terdiri daripada 41,321 unit telah berjaya disiapkan, manakala 27 projek yang terdiri daripada 12,816 unit masih dalam fasa pembinaan dan perancangan. Di Selangor sahaja, terdapat 7 projek yang dibangunkan oleh PR1MA merangkumi 5,047 unit, dengan beberapa projek seperti Residensi Kajang Utama dan Residensi Bandar Bukit Mahkota turut menerima pengiktirafan melalui beberapa anugerah seperti StarProperty Awards 2024 dan The Edge Property Excellence Awards 2023.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)